



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700 – 7/3/3 Jld. 8 (54)
Tarikh : 4 Januari 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/ Tuan,

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN SISTEM PENGAWASAN KEBAKARAN AUTOMATIK (SPKA) SEPANJANG TEMPOH INTERIM

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sebagaimana YS Dato'/Tuan sedia maklum, Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA) merupakan sistem yang dihubungkan ke *Main Fire Alarm Panel* di premis ditetapkan dengan pusat kawalan SPKA dan seterusnya ke Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Pemasangan SPKA di bangunan adalah merupakan salah satu keperluan yang termaktub di dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984, Sarawak Building Ordinan (SBO) 1994 dan juga Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

3. Untuk makluman YS Dato'/Tuan, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak melanjutkan tempoh perjanjian Syarikat Iscada Net Sdn Bhd sebagai penyedia perkhidmatan Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA) yang telah tamat pada **17 Disember 2020**. Sehingga kini, lantikan penyedia perkhidmatan SPKA yang baharu masih dalam peringkat pertimbangan oleh pihak KPKT.

4. Bagi tujuan ini, beberapa pelan tindakan perlu dilakukan dalam memastikan pengeluaran Sijil Perakuan Bomba (FC) bagi Premis Ditetapkan dan sokongan *Certificate Completion and Compliance* (CCC), *Certificate of Fitness for Occupation* (CFO) atau *Occupation Permit* (OP) bagi bangunan baharu dapat dilaksanakan sepenuhnya sepanjang tempoh interim adalah seperti berikut:

'CEPAT DAN MESRA'



- iv. Mengarahkan setiap Ketua dan pegawai BBP yang bertanggungjawab menjaga premis-premis ditetapkan dalam kawasan jagaan masing-masing disamping membantu Pengurusan Bangunan berkenaan membuat pemeriksaan berkala dalam memastikan pengurusan bangunan mengamalkan *housekeeping* yang baik dan membuat penyelenggaraan sistem pencegahan kebakaran bangunan dengan rapi agar semua pemasangan keselamatan kebakaran berfungsi dalam keadaan baik.

5. Oleh yang demikian, Jabatan ini berharap dengan adanya pelan tindakan tersebut ianya dapat melancarkan dan memastikan pengeluaran Perakuan Bomba (FC) bagi Premis Ditetapkan dan sokongan *Certificate Completion dan Compliance (CCC)*, *Certificate of Fitness for Occupation (CFO)* atau *Occupation Permit (OP)* bagi bangunan baharu dapat dilaksanakan sepanjang tempoh interim iaitu sehingga pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak.


6. Sukacita juga YS Dato'/Tuan dapat memaklumkan kepada pemunya premis berkenaan dengan menggunakan format surat di Lampiran A.

7. Kerjasama dan perhatian pihak YS Dato'/Tuan di dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

s.k.

- 1) YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- 2) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JBPM
- 3) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JBPM
- 4) YS Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan & Penyelamat, JBPM
- 5) YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM

(Pemunya Premis)....

Tuan

**PEMASANGAN SISTEM PENGAWASAN KEBAKARAN AUTOMATIK
(SPKA) SEPANJANG TEMPOH INTERIM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak melanjutkan tempoh perjanjian Syarikat Iscada Net Sdn Bhd sebagai penyedia perkhidmatan Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA) yang telah tamat pada **17 Disember 2020**. Sehingga kini, lantikan penyedia perkhidmatan SPKA yang baharu masih dalam peringkat pertimbangan oleh pihak KPKT.

3. Oleh itu, Perakuan Bomba boleh dikeluarkan sekiranya tuan membuat akujanji secara bertulis melalui *undertaking letter* iaitu akan memasang SPKA setelah penyedia perkhidmatan baharu dilantik.

4. Kerjasama dan perhatian pihak YS Dato'/Tuan di dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(.....Pengarah Negeri....)